

30 JUL 1998

DR MAHATHIR LAWAT JOHOR PADA 4 OGOS

JOHOR BAHRU, 30 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri beberapa acara sempena lawatan sehari beliau ke Johor pada 4 Ogos ini.

Dr Mahathir dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai pada pukul 3 petang.

Kira-kira setengah jam kemudian, Perdana Menteri akan menyampaikan amanat pada majlis perjumpaan bersama para pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN) serta pegawai kanan kerajaan di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Baharu.

Menurut jadual aturcara lawatan beliau yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan hari ini, Dr Mahathir akan melawat pameran jambatan Sungai Johor dan pembangunan Desaru di Hotel Sofitel, Senai pada pukul 6.45 petang.

Selepas itu, pada pukul 8 malam beliau akan menghadiri jamuan malam bersama jawatankuasa Badan Perhubungan Umno Negeri Johor.

Aturcara terakhir Perdana Menteri ialah mengadakan perjumpaan tertutup dengan ketua-ketua Umno bahagian, pemimpin pergerakan Pemuda dan Wanita Umno serta pegawai-pegawai penerangan Umno Johor di Hotel Sofitel pada pukul 9 malam sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada malam yang sama.

-- BERNAMA

MKO NAK